

# Perhimpunan UMNO medan kukuhkan sokongan kepada Presiden

KUALA LUMPUR 30. Okt. - Perhimpunan Agung UMNO 13-17 November ini akan menjadi medan terbaik bagi pemimpin akar umbi mengukuhkan lagi sokongan mereka kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, pemimpin-pemimpin cawangan, bahagian, Pemuda, Wanita, Puteri, Putera dan Majlis Tertinggi (MT) boleh menggunakan peluang semasa perbincangan pelbagai isu melibatkan parti dan negara untuk mengukuhkan semula sokongan mereka kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Saya fikir ini adalah peluang (perhimpunan agung parti) terbaik bagi pemimpin UMNO di semua peringkat untuk mengukuhkan sokongan mereka kepada pemimpin parti, terutama kepada presiden dan timbalan presiden (Datuk Seri Najib Tun Razak)," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas perselisihan antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Abdullah terutama tindakan Dr. Mahathir sejak kebelakangan ini berterusan mengkritik Perdana Menteri.

Muhammad juga menafikan tindakan Dr. Mahathir mengkritik Perdana Menteri akan mempengaruhi kelancaran perjalanan Perhimpunan Agung UMNO kali ini atau mempengaruhi emosi para perwakilan.

"Saya tidak fikir kritikan Dr. Mahathir akan menjejaskan perjalanan perhimpunan agung parti, sebaliknya ia akan memberi peluang kepada para perwakilan untuk mengukuhkan semula sokongan mereka kepada kepimpinan parti dan kerajaan," tambah beliau.

Beliau juga yakin pemimpin akar umbi juga akan menggunakan kesempatan semasa perhimpunan agung parti untuk meminta Perdana Menteri dan Timbalannya supaya tidak berasa ragu untuk meneruskan agenda pembangunan negara.